

Ajaran Taslim

Manifestasi Krisis Kepercayaan Masyarakat Melayu

Azmah Abd Manaf

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

azmah@usm.my

Abstrak

Sejarah penerimaan Islam orang Melayu berlaku berabad-abad lamanya biarpun tarikh tepat tidak dapat ditentukan begitu juga dengan pihak yang bertanggungjawab memperkenalkan Islam kepada Dunia Melayu. Yang jelas, orang Melayu tidak sukar untuk menerima agama baharu ini mentelah lagi kaum pemerintah antara yang pertama memeluk Islam. Berdasarkan catatan sejarah, kepercayaan dan warisan sebelum Islam tidak ditinggalkan sepenuhnya oleh masyarakat Melayu walaupun mereka telah mengucap syahadah sebaliknya ia menjadi bertambah subur dengan berkembangnya ilmu tasawwuf. Sinkretisme; istilah yang digunapakai bagi merujuk kepada amalan Islam masyarakat Melayu yang bercampuraduk dengan adat dan kepercayaan warisan tempatan berterusan hingga ke abad ke 20. Dalam keadaan kecelaruan begitu, masyarakat Melayu Islam mudah terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang bernafaskan Islam tetapi pada hakikatnya ia menyimpang. Sejarah mencatatkan betapa banyaknya muncul ajaran-ajaran sebegini rupa yang mampu mengumpul pengikut-pengikutnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Ajaran Taslim merupakan salah satu daripada ajaran yang sedemikian. Ajaran Taslim merupakan antara ajaran serpihan Islam yang muncul pada akhir abad ke 19 dan berkembang sehingga abad ke 20 di Pulau Pinang. Kertas ini berhasrat untuk mengupas permasalahan kepercayaan masyarakat Melayu dalam beragama dengan merujuk kepada ajaran Taslim sebagai contoh.

Kata kunci: Masyarakat Melayu, Islam, Pulau Pinang, Sinkritisme, Kepercayaan

Pengenalan

Sejak berabad-abad lamanya Islam berjaya disebarkan ke alam Melayu. Boleh dikatakan bahawa seluruh penduduknya memilih untuk menganut agama baharu ini dengan meninggalkan agama Hindu-Buddha bersama-sama raja mahupun sultan mereka. Biarpun tarikh tepat pertapakan Islam di Nusantara amnya dan Tanah Melayu khasnya tidak dapat ditentukan dengan tepat namun yang pastinya Islam diterima dengan baik. Makalah ini akan memulakan perbincangan dengan menyelusuri sejarah kedatangan Islam, bukan dari segi untuk menentukan asal mulanya datangnya atau daripada mana datangnya atau siapa yang membawanya tetapi lebih kepada rupabentuk dan inti ajaran yang disampaikan kepada masyarakat Melayu. Pengetahuan tentang perkara ini penting dalam memahami bagaimana masyarakat Melayu mengenali Islam dan seterusnya mengamalkan Islam sebagai satu agama atau kepercayaan hidup. Adalah dipercayai bahawa inti ajaran yang disampaikan itu telah

mempengaruhi kehidupan beragama yang terdedah dengan ajaran-ajaran yang menyimpang dari ajaran Islam.

Dalam sejarah beragama, masyarakat Melayu yang telah menerima Islam telah dihidangkan dengan beberapa ajaran agama yang dikatakan berasal daripada Islam tetapi hakikatnya ia tidak bersendikan Islam.¹ Seiring dengan itu muncullah beberapa individu yang merupakan tonggak atau pemimpin kepada ajaran-ajaran yang sedemikian rupa dengan pelbagai dakwaan yang menyerupai tokoh terpenting dalam Islam seperti nabi dan rasul, Imam Mahdi bahkan ada yang mengaku sebagai Nabi Isa yang dijanjikan. Keupayaan individu-individu ini mengumpul pengikut sehingga mencetuskan keresahan dalam kalangan masyarakat Islam lain dan para pentadbir agama Islam, adalah sesuatu yang menarik untuk dibincangkan. Persoalan penting yang perlu dirungkai ialah mengapa ada segelintir penganut Islam yang mudah menerima ajaran yang tergelincir daripada Islam ini. Perkara yang boleh difikirkan ialah barangkali bersangkutan dengan inti ajaran yang dapat memikat hati para pengikutnya atau pendekatan dakwah yang digunakan oleh pengasas ajaran-ajaran seumpama ini.

Ajaran Taslim antara ajaran seumpamanya yang terkenal dan terawal muncul dalam kalangan masyarakat Melayu Pulau Pinang. Ajaran Taslim yang menjadi tumpuan makalah ini berupaya mengumpul pengikut yang agak ramai; melibatkan sebuah kampung di Pulau Pinang dan bertahan dalam jangka waktu yang lama sehingga melibatkan beberapa generasi pemimpin ajaran berkenaan. Sehubungan dengan itu makalah ini akan membincangkan sejarah dan asal usul ajaran ini berserta sedikit tentang inti ajarannya..

Kedatangan Islam dan pengamalannya

Dikatakan bahawa Islam yang datang ke Nusantara tanpa mengira sama ia datang dari tanah Arab mahupun India, sama ada oleh para pedagang mahupun para pendakwah, ia telah datang melalui aktiviti penyebaran oleh golongan ahli sufi.² Maka Islam yang bernaafaskan ajaran tasawwuf telah diperkenalkan kepada penduduk Nusantara. Islam diterima oleh penduduk Nusantara daripada kelas atasan hingga rakyat biasa dengan penuh aman dan damai. Telah disebutkan di atas tadi bahawa Islam yang datang ke Nusantara dibawa oleh para pedagang dan pendakwah sufi bermazhab ahli sunnah wal jamaah (Hamdan Hassan 1978, 110). Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa Islam yang disampaikan itu berasaskan kepada ajaran sufi. Tariqat-tariqat sufiah ini telah dapat berdiri dan berkembang dengan pesat dan tersebar dengan meluas di Nusantara mengikut tariqat yang diikuti oleh para pendakwah tersebut (M.A. Rauf 1964, 104).

¹ Dalam artikel ini ajaran seumpama ini akan dinamakan ajaran serpihan Islam yang bermaksud, berasal daripada Islam tetapi telah dimasukkan dengan elemen-elemen asing.

² Banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan sejarah pertapakkan Islam di Tanah Melayu dan mengambil kesimpulan bahawa Islam dibawa oleh golongan sufi. Antara kajian yang boleh disebutkan di sini ialah kajian oleh Hamdan Hassan (1978), M.A. Rauf, 1964, S. M. Naquib 1969 dan Abdul Rahman Abdullah 1985.

Menyingkap kembali kepada pokok atau inti ajaran Islam yang disampaikan oleh para pendakwah sufi ini, ajaran mentauhidkan satu tuhan iaitu Allah Yang Maha Esa (Hamdan Hassan, 12) adalah tunjang utama. Ajaran ini sama sekali berbeza dengan ajaran Hindu-Buddha dan kepercayaan animisme yang mempunyai pelbagai dewa dan roh-roh atau semangat yang harus disembah dan dipuja. Sehubungan dengan itu, kalimah syahadah menjadi syarat penting untuk dilafazkan oleh sesiapa sahaja yang berminat untuk menukar agama. Proses perpindahan agama ini yang biasanya melalui saluran kebudayaan tempatan telah digarap oleh Hamdan Hassan (12) seperti berikut;

“Pada perayaan ini (sekaten) alat kesenian yang disukai rakyat, iaitu gamelan dimainkan atau dibunyikan disebelah kanan kiri masjid, sementara didepan masjid itu diadakan pula ceramah agama bagi para pengunjung perayaan sekaten tersebut. Apabila ada pengunjung itu tertarik dan ingin memeluk agama Islam maka orang itu boleh terus masuk ke masjid dan mengucap Syahadah mentauhidkan tuhan Yang Maha Esa. Selesai mengucap syahadah mereka keluar masjid dan seolah-olah rukun Islam yang lima perkara itu hanya cukup dengan sebuah Syahadah sahaja.”

Daripada petikan di atas, didapati bahawa pendakwah berkenaan hanya menekankan tentang pengucapan kalimah Syahadah sahaja. Oleh yang demikian orang-orang Melayu tidak merasa apa-apa perbezaan antara masuk Islam atau tidak kerana ianya nampak serupa sahaja, cuma cara pelaksanaannya yang berbeza. Anggapan ini dapat dibuktikan melalui satu peristiwa bilamana seorang raja Majapahit yang telah mendengar tentang Islam dan berminat untuk menganut agama baharu ini, walaupun pada hakikatnya beliau takut untuk meninggalkan agama lamanya. Beliau telah memanggil Radin Rahmat ke istananya untuk mendapat penerangan tentang Islam. Setelah itu beliau berkata; “Maksud agama Islam dengan agama Buddha sama sahaja tetapi syarat-syarat mengerjakannya berlainan. Akan tetapi itu tiadalah mengapa... Aku ini nanti barangkali masuk Islam juga kerana kedua agama itu sama sahaja” (Abdul Hadi Hassan, 80). Tidak pasti dengan penerangan yang disampaikan oleh Radin Rahmat, namun boleh dikatakan bahawa pemahaman tentang Islam sangat cetek sehingga boleh menyamakan Islam dengan agama Buddha, dua agama yang berbeza sebenarnya dari segi asal usul, konsep lebih-lebih lagi dari sudut akidah. Lebih membimbangkan lagi apabila raja majapahit berkenaan beranggapan bahawa beliau masih boleh mengamalkan kepercayaan nenek moyang walaupun telah memeluk Islam.³

Kalimah Syahadah kemudiannya menjadi unsur terpenting dalam kehidupan masyarakat Melayu, bukan sahaja dari segi konsep dan akidahnya tetapi dari segi fungsinya dalam jampi mentera. Masyarakat Nusantara memang sinonim dengan jampi mentera yang diucapkan dalam banyak perkara misalnya dalam proses pengubatan, upacara pemujaan, permainan dan

³ Percampuran antara yang hak dan batil boleh dan akan berlaku dalam proses pengislaman berkenaan sedangkan Allah melarang percampuran itu melalui firmanNya yang bermaksud; “Dan janganlah kamu campurkan kebenaran dengan yang batil dan (jangan) kamu sembunyikan kebenaran itu, sedang kamu mengetahuinya” (Al-Baqarah, 42)

lain-lain, maka selepas Islam, boleh dikatakan bahawa semua jampi mentera menyelitkan kalimah Syahadah walaupun tidak diketahui fungsinya. Sebagai contoh disertakan jampi pemanis;

“Duduk di pintu cahaya berseri,
Turun tangga cahaya melimpah,
Turun tanah cahaya berlari,
Naik pemanis darah titik ke muka aku,
Sekalian umat Muhammad memandang aku,
Kasihani belas, kasih sayang, gila mabuk,
Gajah putih seberang laut lagi tunduk bawah tapak kaki aku,
(nama si anu) kalau tidak tunduk bawah tapak kaki aku,
Derhaka engkau kepada Muhammad,
Derhaka engkau kepada aku,
Berkat doa Lailaillallah.”

Dalam jampi di atas, boleh dikatakan bahawa kalimah Syahadah itu berfungsi sebagai satu doa sahaja. Tidak dapat dipastikan dengan jelas adakah masyarakat Melayu Islam ketika itu sedar dan faham maksud kalimah syahadah dan implikasinya dalam kehidupan seharian atau tidak. Jika berdasarkan jampi mentera di atas, jelas mereka tidak begitu memahaminya. Atas dasar inilah maka tidak hairan apabila ramai sarjana dan pengkaji agama dan kebudayaan Melayu Nusantara menyifatkan bahawa penerimaan Islam dalam kalangan mereka adalah merupakan satu lapisan yang tipis di atas kebudayaan tempatan (Van Leur 1967, 169). Penegasan ini seakan nampak benar apabila kepercayaan-kepercayaan nenek moyang (animisme) yang bertunjangkan kepada pemujaan terhadap semangat dan roh dan elemen-elemen dalam kepercayaan Hindu –Buddha masih diamalkan secara berleluasa. Tiga unsur atau agama atau kepercayaan ini bercampur aduk antara satu sama lain. Percampuran ini terserlah dalam jampi mentera pendinding diri yang dipetik di bawah ini (Skeat 1984, 630);

“Hai Nur Puteh Maharaja Besi,
Yang menunggu Astana Allah,
Jin Puteh Maharaja Dewa,
Yang menunggu pintu langit,
Hei, Malaikat Puteh yang di dalam diri ku,
Yang di kiri, di kanan, di hadapan, di belakang,
Tolong kawal pleherakan aku ini,
Serta engkau temukan dengan Nabi,
Di dalam empat puluh empat hari,
Dengan berkat daulat Anak Raja Mengambang,
Dengan berkat daulat Sultan Muhammad,
Dengan berkat mu’jizat Bulan dan Matahari,
Dengan berkat mu’jizat ibu serta bapa,
Dengan berkat mu’jizat Nabi Muhammad s.a.w.”

Daripada jampi mentera di atas, jelas sekali kepada kita bahawa terdapat tiga unsur kepercayaan di dalamnya. Unsur Islam jelas nama-nama Allah, nabi Muhammad dan

malaikat, manakala unsur Hindu terserlah pada nama Maharaja Dewa sementara unsur nenek moyang pula bersandar kepada penggunaan nama maharaja Besi, jin dan bulan serta bintang.

Terdapat juga sesetengah pendakwah-pendakwah Islam ini terutamanya yang berasal daripada India yang membawakan satu iktikad yang dirasakan bercanggah dengan Islam tetapi barangkali sinonim dengan wirid atau zikir kebatinan yang dekat dengan aliran tasawwuf. Iktikad itu yang merupakan pengucapan kalimah syahadah yang berbunyi; "La ilaha illa'llah, aku Allah, Roh aku roh Allah, nyawa aku, nyawa Allah, tubuh aku, tubuh Allah, binasalah Allah, binasalah aku, tiada binasa Allah, tiada binasa aku" (Abdul Hadi Hj Hassan, 112)

Iktiqad ini dipercayai telah mendorong orang Melayu yang menerimanya berminat untuk mengamalkan ilmu kebatinan (Abdul Hadi Hj Hassan, 112) yang dikenali juga sebagai fahaman *Wihdah al-Wujud* atau *Wujudiyah*⁴ terutamanya mereka yang tinggal di daerah pendalaman Jawa yang diketahui subur dengan ilmu-ilmu mistik Hindu seperti fahaman Monisme (H.O.K. Rahmat 1988, 47) dan peribumi sesebelum ini (Niels Mulder 1980, 1). Ilmu kebatinan mistik ini berkembang dengan pesatnya di Indonesia khasnya kerana ianya seperti bersesuaian dengan ajaran tasawwuf yang disampaikan oleh pendakwah-pendakwah sufi ini. Dari sini lahirlah penyesuaian (*sinkritisme*) antara ajaran tasawwuf Islam dengan ilmu mistik Hindu dan peribumi yang akhirnya membawa kepada terpancarnya unsur-unsur khurafat dalam pengamalan Islam dalam kalangan orang-orang Melayu Islam ini.

Dalam kalangan orang Islam di Tanah Melayu, penyesuaian ini juga berlaku terutama dalam kepercayaan yang berasaskan kepada pemujaan roh dan semangat yang melibatkan unsur-unsur alam seperti laut, sungai, pokok, binatang dan lain-lain. Bila Islam datang dan diterima sebagai agama baharu, unsur pemujaan ini beralih kepada orang perseorangan sama ada yang telah mati atau yang masih hidup. Kebiasaannya pemujaan ini berpusat kepada tokoh sufi yang dianggap telah mencapai taraf wali dan keramat sehingga kubur mereka dianggap keramat lalu dipuja.

Tidak boleh dinafikan hakikat bahawa, di samping ilmu tasawwuf, masyarakat Islam Nusantara juga diajarkan dengan ilmu al-Quran berserta ilmu-ilmu fardhu ain yang lain seperti ilmu usuluddin dan ilmu fiqh. Kitab fiqh yang menjadi asas rujukan para pendakwah Islam ini ketika menyampai ilmu fiqh ialah kitab *Minhaj al Talibin* karangan imam al Nawawi (Abdul Rahman Hj Abdullah, 100). Sementara kitab rujukan untuk ilmu tasawwuf pula ialah kitab *Bahr al Lahut* karangan Syeikh Abdullah Arif, kitab *Ihya Ulumuddin* tulisan Imam al Ghazali dan kitab *Insan al Kamil* oleh Abdul Karim al Jili (Abdul Rahman Hj Abdullah, 100).

Antara ketiga-tiga cabang ilmu Islam ini, didapati bahawa ilmu tasawwuf telah menarik perhatian masyarakat Melayu Nusantara sehingga membawa kepada perkembangannya yang

⁴ H.O.K. Rahmat menyifatkan kedua-dua fahaman ini sebagai fahaman yang menyimpang. Rujuk buku beliau di halaman 58 – 63.

pesat. Lahirlah beberapa tokoh sufi tempatan yang mampu mengarang kitab tasawwuf yang masyhur dan menjadi rujukan. Antara yang boleh disebutkan di sini sebagai contoh ialah kitab *Al Haqaiq* karangan Shamsuddin al Sumatrani, *Syarah Asyiqin*, *Asrar al-Arifin* dan *Al Muntahi* tulisan Hamzah Fansuri dan kitab *Ain Al Alam*, *Hill al Zilli* dan *Ma'rifah al Saniyah* karangan Syaikh Nuruddin al Raniri (Abdul Rahman Hj Abdullah, 100). Ternyata mereka adalah tokoh-tokoh sufi terbilang di Nusantara yang lahir pada abad ke 17 pada zaman Kesultanan Aceh. Namun ada antara mereka yang dituduh telah sesat, mengakibatkan banyak kitab-kitab tulisan mereka dibakar terutamanya kitab tulisan Hamzah Fansuri (H.O.K. Rahmat, 51). Bahkan ada yang dibunuh kerana telah dianggap murtad apabila mengaku dirinya adalah Allah seperti Syeikh Siti Jenar (H.O.K. Rahmat, 47) Kelihatan di sini elemen ajaran yang menyimpang atau serpihan telah lama wujud di Nusantara.

Umum mengetahui bahawa tarikat-tarikat sufi ini mempunyai amalan zikir dan wirid yang tersendiri. Zikir dan wirid-wirid ini turut digunakan sebagai alat untuk menarik perhatian masyarakat tempatan. Ribat-ribat atau zawiyah-zawiyah untuk berzikir dan berwirid didirikan di samping menjadi pengkalan utama untuk mendakwahkan Islam (M. A. Rauf, 104). Dikatakan bahawa zikir mereka disertai dengan irama yang sedikit sebanyak menyerupai irama jampi serapah yang dilakukan oleh masyarakat Nusantara sebelum Islam ketika menjalankan ritual memanggil roh nenek moyang yang telah mati (M.A. Rauf, 104).

Tidak boleh ditolak andaian bahawa miripnya perlakuan zikir/wirid ini dengan jampi mentera menjadi antara sebab mengapa masyarakat Nusantara tidak sukar untuk menerima Islam kerana pada tanggapan mereka tidak banyak sebenarnya perbezaan antara menganut Islam dengan kekal dengan agama atau kepercayaan lama kerana dengan memeluk Islam mereka masih boleh mengamalkan atau menjalankan ritual-ritual tertentu yang berasaskan kepada kepercayaan peribumi. Kerana itulah upacara pemujaan seperti membuang ancak⁵ dan istiadat memuja pantai⁶ masih menjadi amalan sehingga abad ke 20 (Azmah Abd Manaf 2008, 51). Upacara memuja pantai di Terengganu yang terkenal sebagai negeri perikanan misalnya cuba dihentikan amalannya pada tahun 1960 apabila negeri itu diperintah oleh PAS dengan menguatkuasakan undang-undang (Azmah Abd Manaf 2008, 232). Situasi ini sangat berbeza dengan pendekatan dakwah yang dijalankan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sehingga baginda berjaya menukar corak hidup jahiliyyah masyarakat Arab Mekah seluruhnya kepada cara hidup Islam yang total setelah mereka menerima Islam.

Boleh dikatakan bahawa pengetahuan masyarakat Nusantara tentang Islam sangat cetek bahkan corak hidup mereka jauh daripada cara hidup Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. (*Al-Ikhwan* 1927, 108) Corak dan budaya hidup masyarakat Nusantara tidak banyak berubah setelah menerima Islam. "Pengetahuan agama Islam di kalangan orang Melayu

⁵ Ritual membuang ancak ini sebenarnya upacara memberi makan kepada makhluk halus sama ada yang mendiami hutan atau sungai. Antara binatang yang dikorbankan dalam ritual ini ialah ayam atau kambing. Lihat R. Winstedt, 1988. *The Malays – A Cultural History*, Singapore, Graham Brash (pte) Ltd.

⁶ Istiadat memuja pantai diadakan untuk memohon restu dan keselamatan daripada makhluk halus yang menguasai laut ke atas para nelayan yang akan turun ke laut. Istiadat ini melibatkan korban binatang sama ada lembu mahupun kambing.

kampung, selain daripada ibadat yang asas seperti salat (sembahyang), puasa dalam bulan Ramadan atau fardu-fardu yang lain, mungkin tidak begitu mendalam. Keratan antara yang betul dengan yang tidak bagi mereka adalah tipis.." (Mohd Taib Osman, 1989, 177). Perkara ini berlaku sama ada kerana orang Melayu tidak diperkenalkan dengan sistem hidup Islam (dinul Islam) ataupun tiada dorongan yang kuat untuk mereka berubah. Namun bagi Zaaba (106), masyarakat Nusantara umumnya dan Melayu semenanjung khususnya tidak diperkenalkan dengan pengetahuan Islam sebagai satu cara hidup.

Oleh yang demikian jelas bahawa Islam walaupun telah sampai ke Nusantara sejak abad ke 14 lagi, agama itu tidak dapat bertapak kukuh di hati penganutnya sebagai satu agama yang syummul dan jauh berbeza dengan agama dan kepercayaan yang dipegang sebelum ini. Lantaran itu ramai pengkaji yang membuat kesimpulan tentang Islam di Nusantara termasuk James Peacock (1978, 12-13) yang menegaskan bahawa, "*This Islam was not pure; it was syncretic, mixed with local custom (adat), mystical and magical practices, and the Hinduist, Buddhist and animist beliefs that preceed it.*" Pandangan Peacock ini berasaskan kepada pandangan Richard Winstedt (1952, 81) yang menegaskan bahawa kepercayaan dan pemujaan terhadap roh nenek moyang dan dewa-dewa Hindu masih wujud cuma diubahsuai mengikut rentak Islam dan ia tetap dipandang sebagai makhluk yang mempunyai kuasa luarbiasa. Begitu unik sekali sinkritisme yang berlaku antara Islam dengan agama Hindu-Buddha dan kepercayaan *animisme* di Nusantara.

Menyentuh tentang kuasa luarbiasa yang dimiliki oleh pihak-pihak tertentu yang diraikan oleh masyarakat Nusantara, kewujudan konsep wali Allah dalam Islam⁷ yang mampu melakukan hal-hal yang tidak mampu dilakukan oleh manusia biasa telah menyuburkan lagi kepercayaan kepada satu-satu entiti yang mempunyai kuasa luarbiasa.⁸ Kelebihan-kelebihan ini telah membuatkan masyarakat Islam bukan sekadar menghormatinya sebagai seorang yang warak, malah memuja sehingga orang ini dianggap keramat atas kelebihan yang dimiliki. Para wali ini dikatakan mampu memenuhi permintaan dan menolong masyarakat Islam biasa yang dilanda kesusahan. Pemujaan terhadap wali-wali Allah ini bukan sekadar ketika mereka hidup hatta mereka ketika mereka sudah mati. Masyarakat Nusantara yang tidak lekang dengan unsur pemujaan, kini beralih pula kepada pemujaan wali Allah termasuk kubur-kubur mereka yang dianggap keramat. Nama para wali sebagai buktinya telah diselitkan dalam jampi mentera mereka. Contohnya ialah jampi serapah memohon pertolongan seperti di bawah ini (Skeat, 619);

Al-Salam 'aleikum minta tabek
kepada Syeikh Abdul Gharib,
Syeikh 'Abdul Rahman, Syeikh 'Abdul Kadir,
dan Syeikh 'Abdul Haril,
tolonglah kapit bimba aku, pada hari ini

⁷ Untuk melihat perbincangan tentang konsep wali Allah ini, lihat H.O.K. Rahmat, *Pencemaran Akidah di Nusantara*, bab 15

⁸ Hakikatnya maqam wali Allah boleh dicapai oleh manusia biasa melalui amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah dengan meninggalkan kemewahan dunia,

Al Salam 'aleikum, hai Puteh, Pawang di Rimba,
Pawang Tua, Pawang Muda:
marilah aku hendak jamu;
mana yang salah minta ampun,
mana yang kurang, minta tabek semuanya.

Jika diperhatikan kepada jampi mentera di atas terdapat gabungan unsur Islam dengan kepercayaan *animisme*. Jampi ini dipercayai dilafazkan dalam upacara membuang ancah iaitu perbuatan memberi makan makhluk halus dalam hutan. Hadirnya nama-nama ahli sufi yang mencapai taraf wali menunjukkan bahawa jampi ini digunakan selepas Islamnya masyarakat Melayu. Tercemarnya akidah masyarakat Melayu Nusantara ini tergambar dengan memohon pertolongan kepada selain daripada Allah dan memohon ampun juga kepada makhluk halus. Ternyata perkara ini telah menambahkan suasana kekolotan dalam masyarakat Melayu yang percaya kepada tahyol dan mukjizat serta pendewaan terhadap keramat-keramat. Kepercayaan-kepercayaan ini telah mula menakluki dunia Islam pada waktu bermulanya proses pengislaman beramai-ramai di alam Melayu, menemani kedatangan agama itu ke alam Melayu kerana pendakwah-pendakwah itu sendiri merupakan syeikh-syeikh aliran sufi yang amat tertarik dengan kepercayaan serupa itu (M.A. Rauf, 110).

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa dalam aspek kepercayaan dan akidah, Islam yang dibawa gagal untuk mengubah kepercayaan animisme dan Hindu/Buddha yang telah lama membaluti hati, pemikiran dan budaya hidup masyarakat Melayu. Kepercayaan dan aqidah Islam yang berasaskan tauhid iaitu hanya menyembah dan memohon pertolongan daripada Allah sahaja tidak mendapat tempat yang kukuh di hati sebahagian besar orang Melayu. Bolehlah dikatakan bahawa Islam agama anutan sebahagian besar masyarakat Melayu pada zaman-zaman awal kedatangan dan perkembangannya hanyalah merupakan Islam kulit sahaja. Dalam keadaan begini jika sekiranya muncul ajaran yang dikatakan bernafaskan Islam tetapi dipenuhi dengan unsur-unsur pemujaan, maka tidak sukar ajaran ini untuk mendapatkan pengikut. Pernyataan ini boleh dibuktikan dengan fakta bahawa telah timbul banyak ajaran yang dikatakan bernafaskan Islam namun penuh dengan elemen yang menyimpang dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman awal menerima Islam sehingga ke abad ke 20 malah hingga kini.

Kemunculan ajaran-ajaran serpihan Islam di Malaysia

Ajaran-ajaran serpihan Islam ini dari segi sejarahnya telah mula berlaku sejak lama dahulu, iaitu sejak akhir hidup Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Ketika itu telah muncul beberapa orang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang rasul. Antara mereka termasuklah Musailamah al-Kazab, Tulaihah dan Aswad al-Ansi (Fadhlullah Jamil, 1990, 38). Mereka ini telah berjaya mempengaruhi segelintir orang Islam dari kaum masing-masing untuk menjadi pengikut sehingga menimbulkan perpecahan dan permusuhan dalam kalangan umat Islam. Ketegasan khalifah Abu Bakar bagaimanapun telah berjaya menghapuskan gejala buruk ini. Namun seiring dengan perkembangan Islam ke serata dunia, gejala ajaran serpihan Islam ini

turut menular. Maka muncullah ajaran-ajaran seperti ajaran Batiniyyah,⁹ Wahdah al-Wujud,¹⁰ Bahai yang muncul di Iran (Mushthafa Mahmud, 1987), Ahmadiyah atau dikenali juga sebagai Qadiani yang muncul di India (S. Abul Hassan Ali Nadwi, 1974) dan Tarikat Mufaradiyah yang muncul di Langkat Sumatera Indonesia (*Berita Harian*, 1978).

Di Tanah Melayu atau Malaysia sendiri telah muncul beberapa ajaran serpihan Islam ini. Sekadar memberikan beberapa contoh, di Pulau Pinang telah muncul ajaran Taslim atau juga dikenali sebagai agama matahari yang diasaskan oleh Syed Muhammad Shafie pada tahun 1860an yang menjadi fokus kertas kerja ini, ajaran Sekayu Kain Putih atau Ilmu Tahqiq yang muncul pada akhir abad ke 19 oleh Syed Abdul Rahman bin Hj. Abdul Jalil (J/UG 7 80/49) dan ajaran Crypto yang diasaskan oleh Mokhtar Hassan pada 1970an (Abdullah Abdul Wahab, 1985, 62). Di negeri Johor pula telah muncul beberapa ajaran seumpama ini seperti ajaran Syahadat Fatimah pada 1953 (J/UG 7 208/53), ajaran yang diasaskan oleh Abu bakar Bappu pada 1978 (*Berita Harian*, 1978, 11) dan ajaran yang dibawa oleh Syed Mohd Nasir Ismail; seorang pendatang dari Kemboja pada tahun 1980an (*Berita Harian* 1980, 1). Dari masa ke semasa gejala ajaran serpihan ini terus menerus mewarnai kehidupan beragama masyarakat Melayu termasuklah ajaran oleh Ariffin Mohammed atau lebih dikenali dengan panggilan Ayah Pin oleh pengikut-pengikutnya sejak pertengahan 1990an (Utusan Online, 2005). Ayah Pin telah menubuhkan Kerajaan Langit di Besut Terengganu yang dipimpinnya sendiri.

Gejala ajaran serpihan ini tidak berhenti kerana setiap ajaran yang muncul mampu untuk mengumpulkan pengikut, bahkan ada ajaran yang bilangan pengikutnya mencecah ribuan orang. Sebagai contoh, ajaran Taslim pengikutnya bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Pinang tetapi sampai ke negeri-negeri lain seperti Johor dan Melaka. Ajaran oleh Ayah Pin dikatakan berjaya menggami golongan professional dan warga asing untuk jadi pengikutnya sehingga bilangannya mencecah dua belas ribu orang. Begitu juga dari segi jangkamasa hayatnya, ada ajaran seumpama ajaran Taslim bertahan lama sehingga hampir seratus tahun dan diwarisi kepimpinannya oleh keluarga Syed Muhammad Syafie. Ajaran oleh Ayah Pin juga mampu bertahan sehingga sepuluh tahun. Namun banyak yang hanya mampu bertahan seketika sahaja apabila tindakan diambil oleh pihak berkuasa agama terhadap mereka.

Sekiranya kajian mendalam dibuat berkaitan dengan ajaran-ajaran seumpama ini di setiap negeri, pasti akan tersenarai sejumlah ajaran yang panjang. Menjadi perkara penting dan menarik ialah berkaitan dengan persoalan mengapa ajaran-ajaran serpihan ini boleh mendapat sambutan daripada masyarakat Islam. Selain daripada faktor peninggalan warisan kepercayaan tradisi dan agama sebelum Islam yang masih menjadi pegangan orang-orang

⁹ Ajaran yang berasal daripada Asia Tengah ini telah meluas ke negara-negara lain di dunia dan telah mempengaruhi tariqat-tariqat tasawwuf. Untuk keterangan lanjut tentang ajaran ini boleh rujuk tulisan Abdul Fatah Harun Ibrahim, *Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur, DBP 1987, hal. 44. Ajaran Batiniyyah ini juga sering dikaitkan dengan ajaran mazhab Syiah Ismailiyyah.

¹⁰ Wahdah al-Wujud adalah salah satu ajaran yang muncul di Asia Barat. Untuk mengetahui tentang sejarah dan perkembangan ajaran ini lihat H. Aboebakar Atjeh, *Pengantar Sejarah Sufi dan Tasawwuf*, Kota Bharu, Pustaka Aman Press, 1977, hal. 121-133.

Melayu setelah Islam (H.O.K. Rahmat), dipercayai banyak lagi sebab atau faktor yang boleh dikaitkan dengan persoalan ini.

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian awal kertas ini, Islam yang diterima oleh masyarakat Melayu tidaklah menyeluruh dan mendalam. Banyak perkara asas yang tidak disampaikan, bahkan Islam nampaknya hanya terbatas kepada syahadah, bacaan al-Quran tanpa memahami maksudnya. Sememangnya diakui bahawa seiring dengan kedatangan Islam dan bertukarnya agama anutan masyarakat Nusantara, pendidikan Islam diketengahkan dengan kehadiran para ulama dari serata dunia Islam. Berdasarkan catatan-catatan dan kajian yang ada, pendidikan Islam yang bersendikan ajaran tasawwuf diajar menerusi pendidikan pondok atau secara persendirian di rumah-rumah guru agama mahupun di masjid dan surau. Lazimnya pendidikan yang ditekankan adalah pengajian al-Quran dan kitab-kitab fekah yang diajar secara hafalan. Dengan ruang pendidikan Islam yang sempit ini bolehlah dikatakan bahawa ilmu Islam dalam kalangan sebahagian besar penganut Islam tidak mencukupi untuk melindungi mereka daripada ajaran-ajaran yang menyimpang daripada Islam. Dalam keadaan begini, tidaklah begitu sukar untuk individu-individu tertentu untuk menyampaikan ajaran yang dikatakan Islam tetapi hakikatnya tidak menepati ajaran Rasulullah s.a.w. Lebih-lebih lagi jika ajaran yang disampaikan itu mempunyai unsur-unsur tertentu seperti *supernatural power* yang amat diminati oleh masyarakat Melayu yang begitu percaya dengan kuasa ghaib dan kebolehan khusus yang dimiliki oleh satu-satu entiti atau individu. Kerana itulah kita dapati ramai daripada pengasas ajaran-ajaran serpihan ini mendakwa dirinya mempunyai kebolehan tertentu yang tidak dimiliki oleh orang lain. Dengan kata lain, mereka adalah insan terpilih yang mesti diangkat menjadi pemimpin.

Justeru itu, faktor pemimpin dan kepimpinan yang dimulakan oleh pengasas sesebuah ajaran serpihan itu memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkenalkan dan menarik minat masyarakat sekeliling untuk menjadi pengikut. Lazimnya pengasas ajaran serpihan tersebut akan cuba menonjolkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang serba boleh dan mampu melakukan perkara-perkara yang luarbiasa yang didakwanya sebagai mukjizat.¹¹ Contohnya seorang pengasas kepada sebuah ajaran seumpama ini mendakwa mampu untuk menunjukkan syurga dan neraka di dalam perutnya (J/UG 7 186/70). Pemimpin ajaran Taslim yang menjadi fokus kertas kerja ini juga mendakwa mempunyai kebolehan luar biasa yang akan dibincangkan kemudian.

Faktor pemimpin dan kepimpinan lebih terserlah apabila kebanyakan daripada ajaran serpihan berkenaan sering mendakwa bahawa mereka adalah daripada keturunan Nabi Muhammad s.a.w., yang sangat dihormati malah disanjung oleh orang Islam. Malah ada yang mendakwa bahawa dia adalah Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Tidak kurang yang mengaku sebagai nabi Isa a.s. Dalam Islam, Imam Mahdi akan lahir dan Nabi Isa a.s. diwayatkan akan muncul dan memimpin umat Islam dalam menentang orang kafir dan dajjal dan seterusnya membentuk sebuah kerajaan Islam. Mendakwa sebagai insan hebat ini

¹¹ Dalam hal ini mereka cuba mencontohi Nabi Muhammad s.a.w. yang mempunyai beberapa mukjizat sebagai bukti kenabian dan kerasulan Baginda.

sudah pasti akan mempesonakan orang Islam yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Imam Mahdi yang dimaksudkan¹² dan situasi sebenar dunia sebelum munculnya Nabi Isa a.s.¹³ Antara mereka yang mendakwa sebagai Imam Mahdi adalah Ayah Pin, pemimpin agama Bahai dan Mirza Ghulam Ahmad; pengasas ajaran Qadiani.

Satu lagi perkara yang mampu menarik minat orang ramai terhadap satu-satu ajaran itu ialah wujudnya unsur-unsur tersendiri yang hannya ada pada ajaran berkenaan. Unsur-unsur itu boleh dilihat dari sudut kenikmatan dan kemudahan yang akan diperolehi oleh mereka yang menjadi pengikut ajarannya. Sebagai contoh ialah ajaran Ilmu Bungkus yang mendakwa bahawa para pengikutnya akan nampak cahaya syurga setelah melalui upacara-upacara tertentu (J/UG 7 170/30). Ada juga ajaran yang memudahkan amalan-amalan agama seperti ajarah Syahadat Fatimah yang menegaskan bahawa para pengikutnya tidak perlu menunaikan ibadah salat sebaliknya hanya cukup dengan berniat salat sahaja (*Utusan Melayu*, 1953). Tidak kurang juga ajaran yang membenarkan pergaulan bebasantara lelaki dan perempuan tanpa ikatan yang sah, minum arak dan berjudi. Perkara ini ketara dalam ajaran yang dibawa oleh Syed Mohammad al-Masyhor (*Berita Harian*, 1978). Semua ini merupakan antara unsur-unsur yang mampu menarik masyarakat Melayu Islam untuk jadi pengikutnya lebih-lebih lagi yang kurang pemahaman tentang Islam.

Ajaran Taslim

Sebelum membincangkan tentang sejarah kemunculan ajaran Taslim dan perkembangannya, eluklah ditinjau secara sepintas lalu tentang keadaan masyarakat Islam Pulau Pinang pada abad ke 19 dan 20. Masyarakat Melayu Islam Pulau Pinang secara amnya tidak banya beza dengan masyarakat Melayu islam di negeri lain di Semenanjung. Pada asasnya, masyarakat Islam Pulau Pinang terdiri daripada tiga kelompok besar iaitu orang Melayu, India Muslim (peranakan India yang juga dikenali dengan nama Jawi Pekan), dan Orang Arab. Selain daripada tiga kelompok besar ini ada juga sebilangan kecil yang terdiri daripad orang Jawa, Bugis, Aceh dan lain-lain. Kebanyakan mereka ini hidup secara berkelompok mengikut kaum, contohnya orang Arab didapati menetap di Acheen dan Malacca Streets di pusat bandar manakala Batu Uban menjadi tumpuan penempatan bagi orang Melayu dan Indonesia (Omar Farouk, 1978, 2). Orang India Muslim pula memilih kawasan yang berdekatan dengan pelabuhan dan bandar Georgetown sebagai petempatan serti di Lebuh Chulia, Lebu King, jalan Kedah dan Lorong Hutton (Mecca Yaacob 1990, 12).

Dari segi kehidupan beragama, masyarakat Islam Pulau Pinang boleh dikategorikan kepada tiga. Kategori yang pertama adalah mereka yang patuh kepada ajaran Islam dan adat menurut apa yang mereka faham. Dikatakan bahawa pada abad ke 19, masyarakat Islam dalam kategori ini menjadi pengikut setia Islam kerana ketua atau pemimpin mereka, walaupun mungkin mereka itu tidaklah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Islam (James Low, 1972, 273) dan bercampuraduk dengan nilai-nilai tempatan. Oleh yang demikian, kita

¹² Terdapat beberapa hadis sahih yang menyebut tentang lahirnya Imam Mahdi sebelum berlakunya kiamat.

¹³ Terdapat juga beberapa hadis sahih tentang kemunculan nabi Isa a.s. yang akan membunuh dajjal.

akan dapat melihat fenomena apabila terdapatnya kelompok masyarakat Islam tertentu yang diketuai oleh tuan-tuan guru agama atau haji-haji yang berjaya mendapat pengiktirafan dan penghormatan sebagai orang yang alim dalam hal-hal agama yang menjadi rujukan dan tempat mendapat perlindungan (J.D. Vaughan, 1858, 152-153).

Dalam banyak situasi, guru-guru atau haji-haji ini mempunyai pengaruh yang besar sehingga mengatasi pengaruh para qadhi yang dilantik oleh kerajaan Inggeris untuk urusan keagamaan masyarakat Islam Pulau Pinang. Sebagai contoh, seorang guru bernama Abdul Ghani yang berasal daripada Madura, mempunyai pengaruh yang agak besar ke atas masyarakat Islam Pulau Pinang terutama dalam kalangan orang Melayu dan Indonesia, lebih-lebih lagi selepas beliau berjaya mengislam semula sejumlah orang Melayu yang murtad setelah mereka menyertai kongsi gelap Cina (Mahani Musa, 2003, 46). Perkumpulan Abdul Ghani ini hidup dengan mengasingkan diri daripada masyarakat Islam lainnya. Salah seorang pengikut atau anak murid beliau ialah Syed Muhammad Syafie yang kemudiannya di buang kerana telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Kategori yang kedua ialah orang Islam yang gemar hidup berpoya-poya sehingga melanggar batas agama dan adat. Terdapat dalam kalangan mereka (orang Melayu dan Arab) yang kaya raya yang gemar minum minuman keras walaupun di khalayak ramai (James Low, 295). Muhammad Ibrahim Munsyi (1980) turut memberi gambaran serupa ketika menggarap keadaan masyarakat Islam Pulau Pinang dalam pelayarannya. Selain dari itu ada juga yang gemar berjudi dan menghisap candu sehingga mendorong mereka melakukan rompakan candu di kedai-kedai menjual barangan tersebut (J.D. Vaughan, 163).

Kategori yang ketiga pula ialah terdiri daripada mereka yang berpendidikan Islam yang tinggi dan juga mempunyai pengaruh yang luas dalam masyarakat. Mereka inilah selalunya yang menjadi ketua agama kepada orang Islam yang ingin menjadi anak murid mereka. Ketua agama ini dipandang tinggi oleh masyarakat Islam secara keseluruhannya. Sebagai contoh pada pertengahan abad ke 19, seorang tokoh agama amat amat dihormati dan disanjung oleh orang Islam bernama Haji Makawi dari Batu Uban berketurunan Arab. Beliau sering menjadi rujukan dalam hal-hal agama dan dikatakan sangat fanatik terhadap soala keagamaan (Mahani Musa, 25). Beliau turut disegani oleh pegawai Eropah, pedagang dan peladang (Turnbull, 1972, 102). Beza kategori ini dengan kategori yang pertama ialah kategori yang pertama cenderung untuk hidup berasingan daripada masyarakat Islam yang lain, seolah-olah mereka mempunyai institusi tersendiri dengan cara dan peraturan tersendiri.

Dalam hal ehwal keagamaan ini, pihak British yang memerintah Pulau Pinang tidak mengambil sebarang perhatian. Mereka hanya berfungsi ketika memperakukan lantikan penduduk kampung dan daerah (Mahani Musa, 36). Qadhi secara umumnya mengurus hal ehwal masyarakat Islam terutama yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, pembahagian harta dan sebagainya. Ketidakpedulian kerajaan British terhadap hal ehwal keagamaan masyarakat Islam ini terserlah dengan berlakunya tindakan-tindakan yang tidak mengikut lunas-lunas Islam oleh sesetengah qadhi terhadap orang Islam yang melibatkan peras ugut, rasuah dan penganiayaan wanita (Mahani Musa, 37). Dalam keadaan begini

masayarakat Islam pulau Pinang terdedah dengan masalah-masalah keagamaan yang boleh membawa kepada wujudnya perkumpulan ajaran yang tidak berasaskan Islam. Bagi masyarakat Islam Pulau Pinang yang dahagakan ilmu agama dan kehidupan beragama yang lebih baik akan mudah terpengaruh jika ada individu yang menawarkan hal-hal yang sebegitu rupa. Nampaknya ajaran Taslim yang dibawa oleh Syed Ahmad Syafie muncul sesuai dengan suasana dan kehendak masyarakat Islam Pulau Pinang.

Nama sebenar Syed Ahmad Syafie ialah Syed Muhammad Syafie bin Syed Sailuddin, berasal daripada Madura Indonesia (Abdul Fatah Harun Ibrahim, 1989, 3). Beliau berhijrah ke Tanah Melayu bersama bapanya dan sepupunya Saad bin Hussain. Di Tanah Melayu, Syed Muhammad Syafie dan bapanya memilih Pulau Pinang sebagai tempat penempatan manakala sepupunya dikatakan berkampung di Perlis. Pada peringkat awal, Syed Muhammad Syafie sempat berguru dengan Abdul Ghani malah menjadi murid kesayangan Abdul Ghani. Namun akibat tindakannya yang melanggar peraturan yang melarang membaca beberapa buah kitab yang dikatakan mengandungi perkara-perkara yang tidak dapat dicapai oleh logik akal, maka beliau dinyah daripada perkumpulan Abdul Ghani. Akibat peristiwa itu beliau membuka penempatan baharu yang tidak berpenghuni di daerah Bayan Lepas yang kemudiannya dinamakan Kampung Haji Muhammad mengambil sempena nama beliau sebagai peneroka pertama kampung tersebut. Nama kampung tersebut kemudian ditukar kepada nama Kampung Seronok pada tahun 1946 atas cadangan seorang jurutera Inggeris bernama D.W. Grehan (Perayaan Seratus Tahun Pentadbiran Pejabat Daerah Barat Daya Pulau Pinang, 1987, 37). Cadangan ini timbul hasil dari lawatan beliau ke keampung ini dan melihat sendiri cara hidup penduduk kampung tersebut. Beliau dikatakan sempat menghadiri beberapa majlis keramaian yang diladakan seperti kenduri-kendara, permainan hadrah serta temasya hari raya (Ibid). Ada pula sumber yang menyatakan bahawa nama Kampung Seronok diberi oleh D.W. Grehan atas sambutan baik yang diberikan oleh penduduk kampung atas kembalinya British ke Tanah Melayu umumnya dan Pulau Pinang khususnya (Masjid Kampung Seronok Bayan Lepas). Di kampung inilah bermulanya ajaran Taslim yang diasaskannya. Syed Muhammad Syafie berkahwin dengan dua orang wanita tempatan, namun identitinya tidak diketahui. Hasil perkahwinan ini beliau dianugerahkan dengan beberapa orang anak. Antaranya ialah Syed Ghazali@Ali, Syed Sanusi dan Syed Sailuddin.¹⁴

Syed Muhammad Syafie mendakwa bahawa beliau adalah keturunan Nabi Muhammad s.a.w. daripada cucu baginda Saidina Hassan bin Ali (Temubual Pak Sihab). Bukan sekadar itu, beliau juga mendakwa bahawa beliau adalah cucu kepada Syed Jamaluddin iaitu ketua kepada Wali Sembilan (Wali Songo) yang juga dikenali sebagai Sunan Kali Agong (Masjid

¹⁴ Keterangan berkenaan anak-anak Syed Muhammad Syafie bercanggah. Menurut pegawai agama di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang; En. Nordin bin Ahmad beliau mempunyai lima orang anak iaitu Syed Ali, Syed Sanusi, Syed Sailuddin, Syed Razali dan Syarifah Zainab. Bagaimanapun menurut En. Masri, salah seorang keturunannya, dalam temubual dengan En Abdullah Fahim; pegawai agama Pusat Islam Kuala Lumpur, Syed Sanusi dan Syarifah Zainab bukan anak Syed Muhammad Syafie. Syed sailuddin pula dalam keterangannya menyebut bahawa beliau mempunyai dua orang abang iaitu Syed Razali dan Ahmad Sanusi.

Kampung Seronok Bayan Lepas) yang juga berasal dari Madura.¹⁵ Pemakaian gelaran Syed pada pangkal namanya menambah kukuhkan lagi dakwaan-dakwaan berkenaan. Dakwaan-dakwaan Syed Muhammad Syafie ini tidak syak lagi adalah untuk mendapatkan pengaruh dan penghormatan daripada masyarakat sekeliling dalam usaha meletakkan dirinya pada tahap yang tinggi. Masyarakat Islam Nusantara umumnya dan Tanah Melayu khasnya amat menghormati orang Arab lebih-lebih lagi yang berasal daripada keturunan nabi Muhammad s.a.w. Ketokohan dan kemasyhuran Wali Songo dalam sejarah perkembangan Islam Indonesia juga diketahui umum di Tanah Melayu. Lantaran itulah bukan sesuatu yang sukar untuk masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu untuk menerima kepimpinan Syed Muhammad Syafie melalui ajaran Taslimnya, ditambah pula dengan kelebihan-kelebihan lain yang dimilikinya.

Tidak banyak maklumat tentang latarbelakang pendidikan Islam Syed Muhammad Syafie. Beliau dikatakan pernah belajar pondok di Sumatera sebelum berhijrah (Mohd Dzahir Othman, 1980, 1). Di Pulau Pinang, beliau dikatakan pernah belajar dengan seorang guru India Muslim (Abdul Fatah Ibrahim, 3) sebelum menjadi anak murid kepada Abdul Ghani seperti yang pernah disebutkan sebelum ini. Selain daripada itu tiada maklumat tentang pendidikan beliau. Sebelum menjadi ketua ajaran Taslim, Syed Muhammad Syafie ketika mula-mula meneroka kampung Seronok telah bekerja sebagai pembuat tali kail pancing dan ianya mendapat sambutan yang baik (Mahsin Hj Mansor, 1975, 2). Beliau juga dikatakan seorang yang berkebolehan sebagai seorang bomoh untuk mengubat penyakit dan mencari barang-barang yang hilang (Temubual dengan En. Nordin Ahmad). Ada juga laporan yang menyebut bahawa beliau pernah bekerja menjual ubat di kaki-kaki lima dan pernah merancang untuk memperkenalkan satu ajaran baharu yang mampu menyembuhkan penyakit seperti hati yang selalu gelisah dan tidak tenteram, bersama kenalannya seorang India Muslim (Mohd Dzahir Othman, 1).

Satu perkara lagi yang menarik tentang Syed Muhammad Syafie ini ialah berkaitan dengan kemampuannya mengawal pergerakan matahari sehingga beliau mendapat gelaran Syed Muhammad Matahari. Diceritakan bahawa beliau pernah menang dalam pertarungan dengan pegawai Inggeris dalam menentukan waktu yang tepat tenggelamnya matahari. Peristiwa ini berlaku sebanyak dua kali dan disaksikan oleh ramai orang termasuk pengikut beliau (Abdullah Abdul Wahab, 33). Dalam satu perbahasan dengan Syeikh Al-Jarumi, Syed Muhammad Syafie telah menunjuk ke arah matahari apabila ditanya tentang tuhan (H.O.K. Rahmat, 74). Bagaimanapun itu tidak bermakna bahawa dia mempertuhankan matahari, sebaliknya hanya sebagai perbandingan sahaja (Rahmat Saripan, 1990, 208). Kebolehan Syed Muhammad Syafie mengawal pergerakan matahari telah digarap dalam satu peristiwa di atas bukit di kampung beliau apabila dikatakan:

“...Haji Muhammad naik ke bukit Payong dia boleh menunjukkan kepada pengikut-pengikutnya atau kepada orang ramai dengan

¹⁵ Perbincangan tentang dakwaan-dakwaan ini boleh didapati dalam Azmah Abd Manaf, 1992, Sejarah dan Perkembangan Pengaruh Ajaran Taslim yang diasaskan di Pulau Pinang 1870 – 1960, tesis sarjana, Universiti Sains Malaysia, bab 2.

melemparkan seketul benang arah ke matahari dan punca benang itu dipegangnya, ketika itu apabila digoyangnya akan benang itu nampaklah matahari bergoyang-goyang” (Abdullah Abd Wahab, 33)

Berdasarkan kepada kebolehan-kebolehan luar biasa yang dikatakan dimiliki oleh Syed Muhammad Syafie seperti yang dibincangkan di atas, bolehlah dikatakan bahawa Syed Muhammad Syafie telah menyediakan satu platform yang baik untuk muncul sebagai seorang ketua masyarakat dan agama yang boleh diterima ramai. Masyarakat Melayu yang memang diketahui umum mudah terpengaruh dengan individu yang mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada orang lain begitu cepat terpengaruh dengan Syed Muhammad Syafie. Oleh yang demikian, apabila Syed Muhammad Syafie menganjurkan satu ajaran baharu, maka ramai yang tertarik untuk menjadi pengikutnya. Tambahan pula ajaran baharu yang didakwa memang daripada ajaran Islam itu, mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu yang tidak ada pada ajaran lain.

Sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang yang bersambung nasabnya dengan nabi Muhammad s.a.w., Syed Muhammad Syafie mendakwa bahawa beliau adalah pengganti nabi Muhammad s.a.w. dalam menyampaikan Islam yang diwarisi daripada pengganti-pengganti sebelum ini. Oleh yang demikian, untuk menjadi Islam, seseorang itu mesti berjumpa dengan pengganti baginda untuk mengucap dua kalimah syahadah dan menerima kalimah daripada pengganti tersebut. Sehubungan dengan itu, satu upacara menerima Islam diadakan, dan selepas pengikut baharu itu mengucap dua kalimah syahadah, ketua agama pula akan menyebut pula satu kalimah yang mengisytiharkan bahawa pengikut itu sudah diterima keislamannya (Mohd Dzahir Othman, 8). Kalimah itu berbunyi,

“Aku terima diri engkau dan aku serahkan kepada engkau hak nenek moyangku, dan engkau adalah orang Islam yang sebenar kerana menerima agama Islam dari tuannya yang sebenar, dan engkau juga dari hari ini adalah saudara seibu”

Dengan pengucapan itu maka rasmilah seseorang itu menjadi ‘Islam’ dan dijamin syurga oleh ketuanya. Dengan itu juga bermulalah kehidupannya sebagai pengikut ajaran Taslim yang wajib patuh kepada peraturan-peraturan tertentu yang telah ditetapkan. Antara yang paling utama ialah kesediaan untuk menyerahkan diri, harta serta anak isteri kepada ketua mereka. Penyerahan yang dimaksudkan di sini ialah datang dan mengadap ketua untuk menerima Islam, jika tidak, tidak sah Islamnya (Abdul Jalil Hj Hassan, 1950, 7). Sehubungan dengan itu juga para pengikut ajaran Taslim diarah untuk membayar zakat fitrah kepada ketua agama dan bukan kepada pihak berkuasa agama negeri (En. Nordin bin Ahmad).

Kepentingan ketua kumpulan ajaran Taslim terserlah lagi apabila beliau mengaku bahawa al-Quran itu sebenarnya berada pada diri ketua agama itu sendiri. Tidaklah dapat difahami dengan tepat maksud di sebalik dakwaan tersebut. Namun dapat dimengertikan bagaimana ajaran ini meletakkan taraf pemimpinnya kerana al-Quran adalah pegangan utama orang Islam (Abdul Jalil Hj Hassan, 1950, 7). Dengan kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh Syed

Muhammad Syafie, ajaran Taslim terus berkembang dan berjaya mengumpulkan pengikut dari hari ke hari.

Pada peringkat awal, Syed Muhammad Syafie hanya menumpukan perhatian pada penduduk kampung Seronok sahaja dan tidak dapat dikesan usaha beliau untuk menyebarkan ajarannya kepada penduduk luar. Bagaimanapun dikatakan bahawa ajaran Taslim telah diterima oleh penduduk kampung genting di daerah Balik Pulau. Kampung ini telah dibuka pada 1880an. Pengaruh Taslim tersebar ke kampung ini apabila ketua kampungnya Tok Udin yang berasal daripada Batu Bahara Sumatera telah menjemput Syed Muhammad Syafie untuk mengajar agama di masjid kampung tersebut (Masjid Kampung Seronok, Bayan Lepas). Apabila Syed Muhammad Syafie meninggal dunia, peranannya sebagai guru agama diambil alih oleh anak dan cucu beliau.

Biarpun ajaran Taslim hanya berlegar di dua buah kampung di Pulau Pinang, namun kewujudannya telah diketahui ramai, di dalam dan di luar Pulau Pinang. Bagi mereka yang bukan pengikut ajaran ini merasa bahawa Syed Muhammad Syafie telah membawa satu ajaran yang menyimpang daripada ajaran Islam hingga menimbulkan kegusaran dalam kalangan mereka. Sehubungan dengan itu satu perbahasan atau dialog telah diadakan antara Syed Muhammad Syafie dengan beberapa orang alim ulama Pulau Pinang di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. Hasil daripada dialog itu ajaran Taslim diputuskan sebagai ajaran yang menyimpang dari ajaran Islam maka semua kita-kitab kegunaannya diarahkan dibakar (Mahsin Hj Mansur, 7). Peristiwa ini bagaimanapun tidak melenyapkan ajaran Taslim di bumi Pulau Pinang bahkan terus wujud sehingga ke pertengahan abad ke 20.

Ajaran Taslim juga telah menarik minat seorang ulama dari Kedah; Syeikh Abdul Rahman al-Jarumi.¹⁶ Beliau menjemput Syed Muhammad Syafie ke Kedah untuk berdialog (H.O.K. Rahmat, 74). Hasil daripada dialog berkenaan, sekali lagi ajaran taslim diputuskan sebagai terkeluar daripada ajaran Islam. Syed Muhammad Syafie diperintahkan keluar daripada negeri Kedah. Peristiwa-peristiwa ini barangkali telah membuatkan Syed Muhammad Syafie tidak berminat untuk memperkembangkan ajaran beliau keluar daripada kampungnya. Dan sememangnya sewaktu dia masih hidup, tidak dapat dikesan bahawa ajaran Taslim telah tersebar ke luar dari Pulau Pinang.

Bagaimanapun selepas kematian Syed Muhammad Syafie pada 1913 dan digantikan oleh anaknya Syed Ali, ajaran Taslim mengalami perubahan, bukan sahaja dari segi daerah pengaruhnya tetapi juga dari segi ajarannya. Dalam usaha mengembangkan ajaran Taslim Syed Ali tidak pergi sendiri 'berdakwah' sebaliknya menghantar anak-anak murid yang dipercayainya. Sekiranya perlu dan diundang, barulah Syed Ali berkumjung. Negeri pertama yang menjadi sasaran Syed Ali ialah Kedah dan hasil usahanya beberapa kampung di daerah Bandar Baharu (Kampung Parit Teropong, Bukit Tok Sala, Kampung Tok Din, Kampung

¹⁶ Mengikut catatan MyKedah.com, Syeikh Abdul Rahman al-Jarumi atau dikenali sebagai Tuan Haji Abdul Rahman Jarum adalah anak seorang ulama terkenal Kedah, Haji Wan Muhammad Idris bin Haji Wan Jamal yang berasal dari Patani Thailand. Beliau pernah menjadi guru agama diraja Kedah pada zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Besar, Kampung raja, Batu 26, Kampung Berjaya dan Sungai Kecik), Kuala Muda (Ladang Bukit Lembu, Ladang Patani Bara, Bakar Arang, Ladang Rusa dan Bukit Selambau) (Laporan Penyelidikan mengenai Ajaran Taslim di Kedah, 1985, 2), Kota Setar (Kampung Padang, Mukim Gajah Mati, Pokok Sena (Mingguan Timur, 1983, 2) dan kampung Kalumpang di Mukim Alor Kandis) dan Alor Setar (Kampung Lubuk Getah, Mukim Tobiar, Kampung Megat Dewa dan Kampung Bukit Payong) (Ajaran Taslim, 1978, 4) menerima baik ajaran Taslim. Namun tidak bolehlah dikatakan bahawa seluruh penduduk kampung berkenaan menerima ajaran Taslim kerana ada dikatakan hanya 20% hingga 25% sahaja penduduk kampung Daerah Kuala Muda yang menjadi pengikut Taslim.

Selain daripada Kedah, ajaran Taslim juga berjaya dikembangkan di Perak; Kampung Parit Jawa Bagan Serai, Johor; Kampung Tasek Mukim Gemereh Segamat, Negeri Sembilan; Tanjung Ipoh Kuala Pilah dan Melaka; Kampung Jambatan Duyung.¹⁷ Ternyata ajaran Taslim mampu melebarkan sayapnya ke beberapa buah negeri di semenanjung. Bagaimanapun, ajaran ini berhadapan dengan tindakan daripada pihak berkuasa agama di negeri-negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Jabatan Agama Islam Johor misalnya telah menjalankan penyiasatan tentang kewujudan ajaran Taslim di Kampung Tasek Mukim Gemereh pada 1947 dan mendakwa lima orang pengikut Taslim di Mahkamah Syari'ah Segamat atas tuduhan mengamalkan agama palsu pada 18 dan 24 Mac 1947 (Pejabat Agama Johor, J/UG 7 26/47). Kesemua mereka didapati bersalah dan diminta bertaubat dan kembali kepada Islam.

Apabila Syed Ali meninggal dunia pada 1950, berlaku perpecahan dalam kalangan pengikut Taslim. Satu pihak menyokong Syed Sailuddin (adik Syed Ali) sebagai pengganti Syed Ali, sebahagian lagi menyokong Syed Ahmad (anak Syed Ali) (Mahsin Hj Mansor, 3). Dalam isu ini Syed Ahmad akhirnya dilantik sebagai kepimpinan baharu. Di bawah kepimpinan Syed Ahmad, ajaran Taslim tidak berkembang malah mengalami kemerosotan dan akhirnya lenyap kerana Syed Ahmad sendiri tidak cenderung kepada ajaran ini sebagaimana bapanya (Nordin bin Ahmad) di samping tindakan jabatan Agama Islam Pulau Pinang yang selalu memantau ajaran ini. Boleh dikatakan bahawa menjelang 1960an ajaran Taslim mula hilang dan tinggal sejarah.

Dari segi doktrin ajaran Taslim, kerahsiaan dan pengasingan diri daripada masyarakat luar menjadi tunjang utama. Selain daripada keperibadian tokoh ajaran ini yang telah dibincangkan di atas, doktrin ajaran Taslim yang mengalami penambahbaikan semasa Syed Ali¹⁸ menekankan unsur-unsur sufi atau tasawwuf dengan penggunaan kitab tasawwuf seperti *Ana'l Haqq*, *Kasyaf al-Asrar* dan *Hidayah Al-Anuwar* karangan Syed Ali sendiri. Penggunaan kitab *Ana'l Haqq* dan *Kasyaf al-Asrar* membuktikan bahawa ajaran Taslim mempunyai unsur ajaran Wujudiyah dan Batiniyah (Abdul Fatah Harun). Satu perkara yang menarik tentang ajaran taslim yang ingin ditonjolkan disini ialah wujudnya jampi serapah yang begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Selepas seseorang itu selesai menjalani

¹⁷ Maklumat lanjut tentang perkembangan ajaran Taslim ke negeri-negeri ini boleh didapati dalam Azmah Abd Manaf, Sejarah dan Perkembangan Ajaran Taslim., bab 3

¹⁸ Perbincangan lanjut tentang doktrin ajaran Taslim ini boleh didapati dalam Azmah Abd Manaf, Sejarah dan Perkembangan Ajaran Taslim, bab 4.

upacara penerimaan sebagai pengikut dan pengijazahan wirid utama ajaran ini, mereka akan dibekalkan dengan satu jampi yang dipanggil jampi sejati, bertujuan menolak segala sihir dan bahaya yang datang (Warta Jabatan Agama Johor, 1950, 8). Jampi yang dimaksudkan itu berbunyi:

Sejati nama tubuhku, hidup tiada mati, siapa ruh safi,
siapa hakikatnya ya Allah ya rasulullah, tempatnya
di ubun-ubun, sebutannya yahu, yahu, waktunya zat
Baitul Makmur jalan Rasulullah naik syurga Baitul
Muqaddis. Di pangkal rambut Baitul Makmur di hujung
rambut mulianya kawan, sejati sempurna aku lenyap
badan nyawa, Allah aku, zat Rasulullah aku, zahir Allah
Wajib al-Wujud.

Manipulasi kandungan al-Quran untuk meyakinkan pengikut akan kebenaran ajaran ini terserlah apabila dikatakan bahawa air suci yang diberi minum kepada setiap pengikutnya adalah campuran daripada gula, sedikit darah dari jari manis dan air hati anjing hitam yang halal diminum kerana itulah anjing yang disebut dalam surah al-Kahfi. Air suci ini diberi untuk mengatasi perasaan cemburu. Ajaran ini juga mempunyai zikir utama yang mesti diingat dalam hati iaitu kalimah '*La Ana Ila huwa*' yang bermaksud tiada aku melainkan tuhan. Dengan mengingat zikir ini seseorang itu tidak wajib menunaikan sembahyang berpuasa, berzakat dan lain-lain ibadah. Jika sembahyang itu dilakukan ialah kerana adat sahaja. Ternyata banyak unsur-unsur yang boleh menarik minat masyarakat Islam Melayu untuk menjadi pengikut ajaran Taslim seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, ditambah lagi dengan kurangnya pengetahuan agama Islam maka mudahlah seseorang itu diperdaya dengan ajaran-ajaran yang dikatakan Islam itu.

Sebenarnya tidaklah mudah untuk membincarkan tentang doktrin ajaran Taslim ini kerana sifatnya yang berahsia. Ianya hanya diketahui melalui pengakuan bekas-bekas pengikutnya, namun tidak semua dapat digali kerana mereka mengambil sikap, "yang lepas tu lepaslah" (En. Nordin bin Ahmad). Makalah ini juga tidak berhasrat untuk membincangkan doktrin ajaran Taslim secara mendalam kerana makalah ini lebih menumpukan fokus pada sejarah kewujudan dan perkembangannya sebagai manifestasi kepada krisis kepercayaan yang masih wujud dalam kalangan masyarakat Islam Melayu khususnya.

Penutup

Suasana persekitaran, kekurangan ilmu agama, warisan nenek moyang yang masih terpelihara adalah antara perkara-perkara yang telah menyediakan tapak yang kukuh bagi satu-satu ajaran seumpama ajaran Taslim. Orang Melayu yang memang cenderung kepada kehidupan beragama berhadapan dengan krisis kepercayaan dengan wujudnya ajaran-ajaran seumpama ini. Kebijaksanaan individu-individu tertentu dalam mempergunakan keadaan persekitaran berkenaan untuk memperkenalkan sesuatu ajaran yang didakwa daripada Islam telah berjaya meyakinkan segelintir orang Melayu untuk menjadi pengikut. Tidak hairanlah jika kita dapati

daripada sejak Islam datang dan diperkenalkan di Nusantara, pelbagai ajaran dengan pelbagai nama yang dinisbahkan kepada Islam tumbuh dan berkembang dan ada yang diterima baik oleh orang Melayu.

Bibliografi

Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, jld. 26 10.6.1982

Warta Jabatan Agama Islam Johor, 1950

Perayaan 100 Tahun Pentadbiran Pejabat Daerah Barat Daya Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1987

Pejabat Agama Johor, J/UG 7

Ajaran Taslim, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 1978

Laporan Penyelidikan Mengenai Kegiatan Ajaran Taslim di Mukim Gemereh Segamat Johor, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 1985

Laporan Penyelidikan Mengenai Ajaran Taslim di Kedah, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 1985

Mahsin Hj Mansor, Laporan Ajaran Taslim (Matahari) Pulau Pinang, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 1975

Temubual Pak Sihab; bekas pengikut ajaran Taslim dengan pegawai Agama Islam Kedah pada 14 Mac 1968.

Temubual En Nordin bin Ahmad; Pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, 6.12.89 dan 27.2.91.

Al-Ikhwān, 16.12.1927

Utusan Melayu 4.12.53

Berita Harian 4.11.1978

Buku dan Artikel

Abdullah Hj Abdul Wahab, 1985. *Tentangan dan cabaran Kepada Islam di Sepanjang Zaman*, (Selangor, Awas)

- Abdul Fatah Harun Ibrahim, 1987. *Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur, DBP
- Abdul Hadi Haji Hassan, 1963. *Sejarah Alam Melayu*, Singapura, Malaya Publishing House Limited
- Abdul Rahman Abdullah, 1985. *Asia Tenggara Tradisional: Politik dan Kebudayaan*, Kuala Lumpur, Teks Publishing.
- Abdul Rahman Abdullah, 1988. *Sejarah dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, Teks Publishing.
- Aboebakae Atjeh, 1977. *Pengantar Sejarah Sufi dan Tasawuf*, Kota Bharu, Pustaka Aman Press
- Azmah Abd Manaf, 1992. *Sejarah dan Perkembangan Pengaruh Ajaran Taslim yang diasaskan di Pulau Pinang 1870 – 1960*, tesis sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Azmah Abdul Manaf, 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Petaling Jaya, Utusan Publications and Distributors.
- _____, 2008. *History of Terengganu 1942-1973: With Special Reference to Islam, Politics and Socio-economic Development*, Darwin, Charles Darwin University. (unpublished PhD thesis)
- Fadhlullah Jamil (Mei 1990). *Pembaitan Abu Bakar Sebagai Khalifah, Dakwah*.
- Hamdan Hassan, 1978. *Kesan ajaran Islam dalam Pembentukan Peribadi Orang Melayu, Islam dan Kebudayaan Kebangsaan*, Bangi, UKM.
- Ismail Hamid, 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur, DBP.
- Leur V., 1967. *Indonesian Trade and Society, Essays in Asian Social and Economic History*, W. Van Hove, The Hague
- Low, James, 1972. *The British Settlement of Penang, Singapore*, Oxford University Press
- Mahani Musa, 2003. *Kongsi Gelap Melayu Di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung 1821-1940-an*, MBRAS
- Masjid Kampung Seronok Bayan Lepas, *Historical Survey of the Mosques and Kramats on Penang Island*, Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (tt)
- Mecca Hj Yacob, 1990. *Sejarah Penghijrahan dan Kehidupan Orang India Muslim di Pulau Pinang sehingga Abad ke 20*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
- Mohd Taib Osman, 1989. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Kepercayaan*, Kuala Lumpur, DBP
- Mohd Taib Osman, 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, DBP.

Mohd Dzahir Othman, 1980. Konsep Ajaran Taslim dan Perkembangannya, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM. (Kertas Kerja)

Mulder N., 1980. *Mysticism and Everyday Life in Contemporary Java: Cultural Persistence and Change*, Singapore, Singapore University Press.

Muhammad Ibrahim Munsi, 1980. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsi*, Kuala Lumpur, DBP

Musthafa Mahmud, 1987. *Hakikat Agama Bahai*, Kuala Lumpur, Darul Fikir

Nadwi, S. Abul Hassan Ali, 1974. *Qadianism: a Critical Study*, Lucknow, Islamic Research and Publications

Omar Farouk Shaeikh Ahmad, (December 1978). The Arabs in Penang, *Malaysia in History*

Peacock J.L. 1978. *Muslim Puritans: Reformist Psychology in Southeast Asian Islam*, University of California Press

Rahmat H.O.K., 1988. *Pencemaran Akidah di Nusantara*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

Rahmat Saripan, 1990. Gerakan Agama Taslim di Johor 1946 – 1956, *JEBAT*, bil. 18

Rauf M.A., 1964. *Ikhtisar Sejarah Islam: Dengan Rujukan Utama kepada Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.

Skeat W.W., 1984. *Malay Magic*, New York, Oxford University Press.

Syed Mohammad Naquib Al-Attas, 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, DBP.

Turnbull, C.M., 1972. *The Straits Settlements 1826 – 67*, Kuala Lumpur, Athlone Press

Vaughan, J.D., 1858. Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley, *Journal of the Indian Archipelago*, vol. 2

Winstedt R., 1988. *The Malays – A Cultural History*, Singapore, Graham Brash (pte) Ltd.

Zainal Abidin Ahmad, 1980. The Malays and their Religion, *Tamaddun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.

Biodata ringkas

Telah berkhidmat di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia sejak Sept 1991. Memperolehi ijazah sarjana (sejarah) pada 1992 daripada USM. Mendapat ijazah PhD pada 2008 daripada University Charles Darwin, Darwin Australia. Berminat dalam

kajian sejarah sosial dan politik Malaysia dan telah menerbitkan beberapa buah buku dan artikel mengenainya.